



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN ZIKA DI MALAYSIA**  
(Bagi Minggu 07/2017 dari 12 Februari hingga 18 Februari 2017)

Berdasarkan pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), terdapat peningkatan kes yang ketara dalam tempoh dua (2) minggu ini. Pada minggu ke-7 tahun 2017, iaitu dari 12 Februari hingga 18 Februari 2017, sejumlah 1,915 kes Demam Denggi telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 254 kes (15.3%) berbanding 1,661 kes pada minggu sebelumnya namun terdapat enam (6) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Sabah, Terengganu dan Pahang. Jumlah kumulatif kes yang dilaporkan dari bulan Januari sehingga 18 Februari 2017 adalah 12,576 kes, berbanding 22,518 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 44% (9,942 kes).


Terdapat lima (5) kes kematian dilaporkan sepanjang Minggu ke-7 menjadikan kumulatif kematian Denggi sehingga 18 Februari 2017 adalah sebanyak 34 kematian, berbanding 51 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 17 kematian (33.3%).

Pemantauan lokaliti wabak menunjukkan sebanyak 622 lokaliti wabak yang masih aktif di 13 negeri iaitu Selangor, Johor, WPKL & Putrajaya, Perak, Negeri Sembilan, Kelantan, Pulau Pinang, Sabah, Melaka, Sarawak, Kedah, Perlis dan Pahang. Terdapat 93 lokaliti hotspot semasa yang melibatkan 5

buah negeri iaitu di Selangor (71 lokaliti), Perak (10 lokaliti), WPKL & Putrajaya (5 lokaliti), Johor (4 lokaliti) dan Negeri Sembilan (3 lokaliti).

Analisa KKM terhadap sirkulasi *serotype* didalam komuniti menunjukkan terdapat perubahan *serotype* dominan daripada DEN 2 kepada DEN 3 yang berlaku awal tahun 2017. Daripada analisa tren *serotype* tahun-tahun lepas seperti pada 2014, dimana terdapat tiga (3) kali perubahan *serotype* dan diikuti dengan peningkatan kes beberapa bulan selepas itu. Situasi ini boleh berlaku lagi pada tahun ini. Oleh itu, langkah-langkah pencegahan Denggi perlu dipertingkatkan dengan penglibatan aktif dan kerjasama masyarakat. KKM menyarankan individu dan pemilik rumah atau premis untuk membuat pemeriksaan tempat pembiakan pada setiap minggu di tempat masing-masing. Disamping itu, menghapuskan bekas-bekas dan tempat yang menakung air bagi menghalang nyamuk Aedes bertelur di tempat ini.

Terdapat sebanyak 76 buah negara melaporkan jangkitan virus Zika berdasarkan laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertarikh 2 Februari 2017. Di Malaysia, terdapat sebanyak lapan (8) kes disahkan positif jangkitan virus Zika yang telah dilaporkan sepanjang tempoh dari 1 September 2016 sehingga 31 Disember 2016. Pemantauan sistem surveilan virus Zika oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari 1 Januari sehingga 18 Februari 2017, mendapati keputusan ujian bagi 196 sampel darah dan air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif. **Tiada Aedes, Tiada Zika dan Denggi.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

27 Februari 2017

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 7/2017  
(12 Februari hingga 18 Februari 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 7/2017		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 7/2016	
		Minggu 7 (12 – 18 Februari 2017)		Minggu 6 (5 – 11 Februari 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	8	0	10	0	30	0	43	0
2	Kedah	20	0	21	0	186	1	158	1
3	P. Pinang	36	1	44	1	294	4	1,118	9
4	Perak	175	0	150	1	998	4	852	0
5	Selangor	1,047	0	815	1	6,693	6	11,201	17
6	WPKL & Putrajaya	148	2	134	0	1,008	8	1,492	2
7	N. Sembilan	74	1	75	1	490	4	612	5
8	Melaka	31	0	48	0	298	0	506	1
9	Johor	135	0	135	2	906	4	3,417	2
10	Pahang	42	0	37	0	365	0	567	2
11	Terengganu	9	0	4	0	49	0	1,016	8
12	Kelantan	107	0	108	0	659	0	456	0
13	Sarawak	37	1	44	0	284	1	327	3
14	Sabah	46	0	36	1	316	2	751	1
15	WP Labuan	0	0	0	0	0	0	2	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,915</b>	<b>5</b>	<b>1,661</b>	<b>7</b>	<b>12,576</b>	<b>34</b>	<b>22,518</b>	<b>51</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 7/2017  
(12 Februari hingga 18 Februari 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	96	200
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	84	145
3	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (F)	40	116
4	N SEMBILAN	Seremban	Taman Tuanku Jaafar Fasa 2	33	102
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang D : Blok F1 - F8 & E1 - E2 )	75	101
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	66	100
7	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Rinching	32	88
8	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Panglima	28	87
9	JOHOR	Johor Bharu	Tperling_Layang	19	87
10	SELANGOR	Gombak	Kg Klang Gate	16	81
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 ( Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b )	20	75
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	15	73
13	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Pendekar Jalan Tun Perak	21	71
14	SELANGOR	Gombak	Kg Sg Kertas Zon A	13	65
15	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Intan 2	17	65
16	N SEMBILAN	Seremban	Emerald Park	14	64
17	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	26	61
18	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 3 (Jln Indah 3)	19	61
19	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Melor	9	60
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8 )	9	58
21	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Gembira	9	58
22	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc	20	57

			U5/Cc-Ce U5/Ce)		
23	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Saga 20-28 Taman Saga	16	57
24	SELANGOR	Gombak	Kg Simpang 3 (Jln Changkat)	13	56
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Flat A : Blok 1, 3, 5, 7, 9, 11, 13, 15, 17, 19 )	16	55
26	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Usj One Avenue Condo)	10	55
27	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Harmoni 2 ( D,E,F,G,H,J,K,T,S,R )	13	54
28	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	21	53
29	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	13	53
30	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 ( Flat J : Blok 79 - 84 )	12	51
31	PERAK	Kinta	Tmn Sin Far	27	50
32	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine ( Flat Putra Permai & Rumah Kedai )	17	49
33	PERAK	Kinta	Tmn Shatin	20	48
34	SELANGOR	Gombak	Kg Laksamana Zon C	13	47
35	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Dato Hormat (Jalan Pandan)	14	47
36	N SEMBILAN	Seremban	Taman Alamanda	14	47
37	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bunga Kemboja 1-11 Taman Muda	7	46
38	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 51a Flat Impian Baiduri	17	45
39	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 ( Flat Jln 17/2, 17/24, 17/26 : Blok 1 - 10 )	16	45
40	PERAK	Kinta	Rapat Setia	10	45
41	SELANGOR	Sepang	Apt Megah Villa	22	44
42	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 8)	22	44
43	PERAK	Kinta	Bandar Lahat Baru	17	44
44	SELANGOR	Gombak	Au5c Taman Keramat	10	43
45	SELANGOR	Petaling	Seksyen U16 ( Pangsapuri Teratai : Blok 1 - 10 )	11	43
46	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	14	43
47	SELANGOR	Petaling	Pst Bdr Puchong 2 (Akasia Apt)	20	43
48	SELANGOR	Petaling	Usj 16 (Sri Tanjung Appt)	20	43
49	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 5 (Jln Bs 5/1 - 5/10)	6	43
50	PERAK	Kinta	Panorama Lapangan Perdana	8	42

51	SELANGOR	Gombak	Tmn Tasik Biru	9	41
52	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Teres D : Jln 19/16 - 19/23d)	5	41
53	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	14	41
54	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 2	12	41
55	PERAK	Kinta	Kg Baru Buntong	15	40
56	PERAK	Kinta	Kg Bercham	10	40
57	SELANGOR	Petaling	Putra Height 8 (Jln Putra Bahagia 8/2)	5	40
58	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 15-25 Taman Kantan Permai	16	40
59	PERAK	Kinta	Tmn Sri Tanjung	26	39
60	SELANGOR	Gombak	Kg Melayu Bt Caves	10	39
61	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Permata 1 Batu 9 Cheras	9	39
62	PERAK	Kinta	Tmn Intan	14	39
63	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2c Apt Medan Cahaya ( Blok A - H )	5	39
64	SELANGOR	Klang	Sek 16 (Pangsapuri Rimba Jaya)	12	38
65	WPKL	Cheras	Apartment Lumayan, Bdr Sri Permaisuri	8	38
66	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Tempua	5	38
67	SELANGOR	Hulu Langat	Kuarters Hospital Ampang	11	37
68	JOHOR	Johor Bharu	Tmn D'utama	9	37
69	SELANGOR	Sepang	Taman Dengkil Jaya	6	37
70	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Nuri Bandar Bukit Mahkota	12	37
71	SELANGOR	Petaling	Seksyen 4 ( Teres B : Jln 4/4 - 4/7 )	9	37
72	SELANGOR	Sepang	Taman Desa Sentosa Fasa 2	11	36
73	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Jaya Utama Zon 1	12	36
74	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 1 (Jln Sb Indah 1/2-1/9)	10	35
75	SELANGOR	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 8	13	35
76	WPKL	Cheras	Appt Arena Green,Bukit Jalil	9	34
77	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres K : Jln 7/70 - 7/89)	13	34
78	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Mewah Taman Damai Mewah	9	34
79	JOHOR	Johor Bharu	Kg Melayu Pandan	5	34

80	WPKL	Cheras	Bukit Jalil(Sekolah Menengah Sukan Bukit Jalil)	11	34
81	WPKL	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	11	34
82	SELANGOR	Petaling	Bt 14 Kg Bunga Melor	8	34
83	SELANGOR	Gombak	Tmn Greenwood	12	33
84	SELANGOR	Klang	Kg Raja Uda, Jln Siantan	16	33
85	SELANGOR	Hulu Langat	Flat 610 Pandan Indah	12	33
86	SELANGOR	Petaling	Seri Kembangan (Kuarters Polis & Kuarters Bomba)	6	33
87	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	6	33
88	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Sri Putra	9	33
89	SELANGOR	Petaling	BI Pju 6 Bu 6 ( Teres A : Jln 6/2 - 6/12 )	6	33
90	PERAK	Kampar	K/B Mbg Diawan	19	32
91	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Teknologi	10	32
92	WPKL	Cheras	Desa Tasik Polis (Blok 19-49)	6	32
93	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 4/1-4/9 Taman Pelangi Semenyih	15	32